

05/02/1997

Pandai menyebut ungkapan MSC saja tidak cukup

Abu Hassan Adam

DALAM usaha meneroka satu era yang diberikan pelbagai nama jolokan itu (knowledge society atau information age) Malaysia tidak berada di pinggir malah telah pun `terjun' secara langsung dalam arus itu bersaing dengan negara yang diiktiraf maju itu.

Dapat dikatakan juga bahawa Malaysia berada terkehadapan daripada negara lain dalam usaha sedemikian terutama dalam usaha menubuhkan projek Koridor Raya Multimedia yang akan digerakkan mulai awal 1998 itu.

Lantas Perdana Menteri ketika lawatannya ke California baru-baru ini mempelawa syarikat berkaitan dengan multimedia bekerjasama dalam suasana sebegini. "Kami berharap pengusaha negara ini dapat menjadi rakan dalam mencapai matlamat projek itu," katanya kepada lebih 300 pelabur Amerika Syarikat di persidangan mengenai MSC di Universiti California (UCLA), baru-baru ini.

Usaha kita mewujudkan MSC bukan lagi cerita menduga laut dalam menggunakan kail panjang sejengkal atau cerita tangan tak sampai untuk memeluk gunung tetapi hakikatnya ialah kita merasakan bahawa kita mampu ataupun boleh melakukannya. Apatah lagi apabila kita memikirkan itulah bentuk perubahan yang mesti dilakukan bagi mengharungi kurun ke-21 nanti. Mahu tidak mahu kita pasti berada dalam `gelombang' itu. Dan kita seharusnya bersedia daripada sekarang. Di sinilah terletaknya (pandangan jauh lagi luas) pemikiran dan tindakan Dr Mahathir.

Kita tidak dapat menentukan dengan tepat apakah rupa bentuk keadaan dalam kurun yang akan datang. Bill Gates peneroka bidang komputer yang terkenal kini menyatakan, "The most fundamental difference we'll see between information as we've know it and information in the future is that almost all information will be digital"

Beliau menyambung, "Some people think that the information highway - also called the interactive network - is simply the current version of the Internet or the delivery of hundreds of simultaneous channels of television. But today's innovations are just the beginning ... during the next few years, governments, companies and individuals will make major decisions about the network. Its crucial that broad groups of people participate in the debate about how this technology should be shaped and how it will in turn shape society." (Bill Gates, "The Road Ahead" 1996.)

Pada masa kini satu keadaan yang tidak pernah terfikir oleh kita tiga puluh tahun dahulu telah berlaku. Kita tinjau satu keadaan sebagaimana yang digambarkan oleh Peter Drucker ini. "... How many of those people will in the future work at home is hotly debated. In the USA, about 4% of the work force in big organizations now works at home, with another 20% in small office clusters outside the big cities. They have telephones, fax machines, closed-circuit television, and so there is no need for them to spend hours commuting into the big city in the morning, and hours going home".

Atas dasar itulah agaknya PM terpaksa mengadakan anjakan paradigma demi untuk menyiapkan dan menyediakan rakyat menghadapi keadaan sedemikian. Dan dalam usaha sebegini kita memerlukan kerjasama pihak tertentu yang sememangnya pakar dalam bidang itu. Justeru itu kita menyediakan satu suasana yang `mesra', sesuai dan `damai' untuk membolehkan pengusaha dan syarikat tertentu bersatu dalam cara baru untuk meraih kekayaan yang ditawarkan oleh era maklumat itu. Sebagaimana kata PM "Kami menawarkan MSC kepada dunia dan ia tidak berjaya tanpa sokongan semua pihak" (Berita

Harian: 17 Januari 1997).

Penubuhan MSC akan menghubungkan Putrajaya dengan pusat pentadbiran kerajaan di seluruh negara. Ia akan bermula dengan Jabatan Perdana Menteri sebaik saja berpindah ke Putrajaya pada 1998, diikuti oleh kementerian dan agensi lain. Pelaksanaan pentadbirannya adalah 'paperless', yang tidak menggunakan kertas.

Bagi sesetengah pihak keadaan ini tentu agak pelik tetapi ia akan menjadi satu kenyataan akhirnya. Ini merupakan satu anjakan paradigma yang bukan kecil dalam pemikiran rakyat Malaysia. Dan inilah yang tentunya merunsingkan Perdana Menteri khususnya dan rakyat Malaysia lain yang amat peka dengan keadaan ini dan boleh merasakan penerimaan rakyat Malaysia akhirnya.

Persoalannya ialah, apakah sebahagian besar rakyat Malaysia terutamanya pemimpin kita sudah sedar dan peka dengan perkembangan yang ingin dilakukan oleh PM itu? Tentulah tidak cukup rasanya kesedaran itu terjelma dalam bentuk hanya pandai menyebut ungkapan "MSC" saja jikalau tidak tahu apa sebenarnya perkara itu dan ke mana matlamatnya.

Kita tidak mengharapkan nelayan di Pantai Timur faham tentang MSC (dalam masa yang singkat) dan tidak juga kita menyalahkan penanam padi di Kedah misalnya, sekiranya mereka tidak begitu hirau dengan perkembangan ini. PM pastinya bimbang sekiranya wakil rakyat, pegawai tinggi kerajaan, guru dan pentadbir masih terpinga-pinga dengan perubahan yang hendak dilakukannya. Kita tidak mahu hanya seorang dua saja pemimpin kita yang sibuk dengan keadaan ini sedangkan yang lain masih 'khayal' dan 'lalai' menikmati keadaan kemakmuran yang ada sekarang.

Dalam pembentangan belanjawan negara baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan memansuhkan cukai barang komputer. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menggalakkan rakyat umum 'mengambil bahagian' dalam arus perubahan negara kini. Soalannya ialah apakah rakyat terbanyak sedar tentang hal ini?

Dikemukakan persoalan demikian kerana ternampak macam tidak selari hasrat kepemimpinan negara dengan tindak-tanduk yang dilakukan oleh rakyat. Dikatakan demikian kerana fenomena yang semacam tidak menjurus ke arah itu. Misalnya, sekiranya masih ada kebimbangan pemimpin negara mengenai berkurangnya masyarakat kita yang membaca, sudah tentu segala perkembangan yang berkaitan dengan multimedia dan Internet tidak dapat diketahui oleh mereka.

Senario di atas memberikan satu gambaran bahawa tumpuan masyarakat kita kini adalah berbeza dengan hasrat yang ingin dilakukan oleh PM itu. Tentulah tidak ada perangkaan yang tepat menggambarkan mengenai kurangnya minat masyarakat kita terhadap perkara yang disebutkan. Kepemimpinan negara tentulah tidak menyekat rakyat sekiranya mengambil peluang mengecapi nikmat kemakmuran negara kini tetapi seharusnya tidak dilupakan juga tentang 'kerja besar' di hadapan kita yang sedang diterokai itu.

Kadang-kadang terfikir juga tentang apakah suasana yang kita hadapi sekarang serupa dengan senario yang dibincangkan oleh Peter Drucker dalam buku terbarunya mengenai Asia. Katanya:

"... closer analysis reveals, however that those who repeat the theme seem more concerned with details such as telephone poles, wires and computer terminals. It appears that the word 'multimedia' has been transformed to mean the development of hardware infrastructure. This undue emphasis on hardware in the multimedia debate can be attribute to a general lack of imagination over the changes that information technology will bring to society, economy, private enterprise and individual executives." (Peter F. Drucker. Isao Nakauchi, "Drucker on Asia: A Dialogue" Heineman 1997.)

Dr. Mahathir tahu ke mana hendak dibawanya masyarakat Malaysia dan

beliau sudah nampak arah tujuhnya tetapi persoalannya ialah apakah masyarakat kita juga tahu arah itu? PM akan memperkenalkan penggunaan kad pintar pelbagai guna - sebagai kad pengenalan, tanda tangan elektronik, urusan kerajaan, perbankan, telefon dan pengangkutan. Di samping itu akan diperkenalkan juga sekolah bestari yang dianggap satu usaha mendahului zaman. Pengenalan sekolah bestari akan menggunakan satu kaedah yang mana semua sekolah akan dihubungkan dengan Internet di samping kemudahan pendidikan jarak jauh yang akan diperkenalkan oleh Universiti Multimedia. Sebagaimana penjelasan PM:

"Universiti Multimedia juga akan menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang membabitkan kerjasama bidang akademik dan korporat, menggunakan pendidikan jarak jauh untuk melahirkan graduan bertaraf dunia" (BH 17 Januari 1997).

Sebagai mengukuhkan penjelasan di atas kita lihat pandangan Peter Drucker mengenai perkara itu "I am reasonably sure that information technology will radically and profoundly change the school, the business organization, and the city ... "hard" infrastructure is not the most important thing in the world to worry about .... information is changing the meaning of learning and teaching profoundly ..."

Inilah yang harus difikirkan oleh perancang pendidikan kita. PM telah menyeru agar diadakan perubahan segera mengenai corak dan kurikulum latihan perguruan kita agar selari dengan hasrat kepemimpinan negara kini yang mahu rakyat seiring dalam menerobos kurun ke-21. Jikalau selama ini kita merasakan bahawa bangunan sekolah boleh menyekat perkembangan pendidikan di negara kita, tetapi dengan adanya sistem multimedia yang canggih nanti pembelajaran boleh disampaikan melalui alat komunikasi sebagaimana yang diramalkan.

Keinchi Ohmae dalam bukunya, "The End of the Nations States" (1996) memberikan satu gambaran pembelajaran yang menarik dalam zaman teknologi maklumat di sebuah universiti di Jepun. Gambaran yang diberikannya ialah:

"Consider for example the students at Keio University's experimental Fujisawa campus. Because they are all on-line, they can offer real-time reactions and contributions to the curriculum, to the structure of their own programs of study, to the content of their courses, and to the quality of their instructors. If they need information to supplement the text they are reading or a report they are writing, they can track it down through Internet. If they want to consult an expert anywhere in the world, they can reach him or her the same way. What a professor says in class no longer has to be treated as unquestioned gospel. If they have doubts, they can use the network to raise them and to solicit alternative points of view. They have stopped being passive consumers of an educational experience defined, shaped, and evaluated by the Ministry of Education ..."

Dalam usaha kita melaksanakan tugas besar ini tentunya memerlukan kerjasama semua pihak terutama mereka yang dianggap pakar dalam bidang berkenaan. Justeru itu 'anak-anak' kita yang berpelajaran tinggi di luar negara harus pulang segera memberikan khidmat untuk kepentingan negara ini. Dengan sebab itulah PM sendiri telah membuat seruan agar rakyat kita di luar negara pulang segera menggerakkan projek teknologi maklumat.

(END)